



ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH TAHUN 2020 (AIGA 2020) – PERINGKAT NEGERI PAHANG



Pada 26 Oktober 2021, Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) telah memenangi Anugerah Emas AIGA 2020 pada Majlis Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah Tahun 2020 (AIGA 2020) Peringkat Negeri Pahang. Majlis tersebut telah berlangsung di Dewan Utama, Yayasan Pahang. Sebanyak 41 buah agensi yang terlibat dan terdapat 4 kategori yang dipertandingkan iaitu Anugerah Platinum, Anugerah Emas, Anugerah Perak dan Anugerah Gangsa.

AIGA merupakan satu platform untuk setiap organisasi mengukur sejauh mana usaha-usaha atau inisiatif meningkatkan Integriti, Governans dan Antirasuah dalam organisasi masing-masing. Ianya berasaskan kepada sistem pengurusan dalaman yang memfokuskan kepada tadbir urus terbaik serta sistem kawalan dalaman bagi mengekang daripada berlakunya penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan rasuah dalam organisasi.

Majlis Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah Tahun 2020 ini telah disempurnakan oleh YAB. Dato' Seri Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang dan juga turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Bin Ali, Ketua Setiausaha Negara.